

05/09/2003

Pengeluar patut utama kereta kurangkan maut

Azli Ayob

KEMENTERIAN Pengangkutan meminta pengeluar kereta tempatan memasukkan ciri keselamatan terkini dalam keluaran mereka untuk mengurangkan jumlah kemalangan maut.

Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy, berkata pihaknya berharap usaha itu dilakukan walaupun sehingga ini kementerian belum memutuskan menjadikan aspek ini sebagai perkara wajib.

"Walaupun ia tidak diwajibkan, saya berharap pengeluar kereta tempatan secara sukarela dapat memasukkan aspek keselamatan terkini dalam setiap keluaran mereka," katanya pada sidang media selepas melancarkan Pameran Permotoran Antarabangsa Kuala Lumpur (Klims) 2003, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, semalam.

Klims 2003 dianjurkan oleh MAA dan diuruskan secara bersama oleh Interexpo dan Trade-Link.

Turut hadir, Presiden Persatuan Automobil Malaysia (MAA), Aishah Ahmad selaku Pengerusi Penganjur Klims 2003; Ketua Eksekutif Interexpo (M) Sdn Bhd (Interexpo), Mak Weng Kit; Pengarah Urusan Trade-Link Management Services Sdn Bhd (Trade-Link), Jonathan Kan dan Pengerusi Pengurusan Persembahan Klims 2003, Datin Paduka Marina Mahathir.

Chan diminta mengulas langkah pengeluar kereta asing yang mengambil inisiatif menghasilkan inovasi dan teknologi terkini dalam aspek keselamatan jalan raya berbanding pengeluar tempatan.

"Sudah ada teknologi terkini dalam aspek keselamatan seperti yang dapat dilihat pada Klims 2003. Saya tidak tahu kenapa semua aspek ini tidak dimasukkan dalam kereta tempatan," katanya.

Ditanya adakah kerajaan akan mewajibkan setiap kereta nasional dipasang dengan beg udara keselamatan, beliau berkata, pihaknya akan mengkaji perkara itu.

"Bagaimanapun, saya harap pengeluar kereta tempatan dapat berbuat demikian secara sukarela dan bukan melakukannya hanya apabila ada peruntukan undang-undang," katanya.

Mengulas mengenai Klims 2003, beliau berkata, pameran kereta antarabangsa itu adalah forum terbaik kepada peserta dan pengeluar kereta tempatan mempelajari teknologi automotif.

Sementara itu, dalam ucapan perasmianya, beliau berkata industri permotoran negara sedang menyaksikan kemasukan pengeluar kereta asing yang mahu menjadikan Malaysia pangkalan di rantau ini.

Berikutan itu, katanya, pasaran kereta serantau menjadi semakin kompetitif, ditambah pula dengan bahang pembukaan pasaran automotif mengikut Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) pada 2005.

"Sehubungan itu, kita perlu menyatukan kekuatan dan kepakaran untuk mengekalkan kelebihan kita bagi memacu industri automotif negara ke hadapan," katanya.

Sementara itu, Aishah pada sidang media yang sama berkata, Klims 2003 dibuka kepada orang ramai mulai hari ini hingga 14 September.

Pameran bermula jam 11 pagi hingga 10 malam pada hari biasa dan jam 10 pagi hingga 10 malam pada hari minggu, katanya.

Sebanyak 238 syarikat yang terbabit secara langsung dan tidak langsung dalam industri automotif mengambil bahagian dalam pameran kali ini.

"Tiket untuk menyaksikan pameran ini berharga RM15 untuk dewasa pada hari biasa, manakala pada hari minggu mereka dikenakan RM20, manakala kanak-kanak, RM5.

"Pada hari biasa, kanak-kanak di bawah 12 tahun yang diiringi penjaga tidak dikenakan bayaran manakala pelajar beruniform dan pelajar lain dikenakan RM5," katanya.

Aishah berkata, Klims yang pertama pada 2000 berjaya menjana nilai jualan RM250 juta dan menarik 300,000 pengunjung.

"Istimewanya pada Klims 2003 pengunjung berpeluang memenangi sebuah kereta Saab Sports sedan dan hadiah harian yang menarik," katanya.